

Recent Malay Books from Malaysia – Jan 2025

Mary Martin Booksellers Pte Ltd
Blk 231, Bain Street
#03-05, Bras Basah Complex
Singapore 180231
Tel : +65-6883-2284/6883-2204
info@marymartin.com
www.marymartin.com

Anthropology / Archaeology

Warisan Sakral Dari Perspektif Bahasa / [Eds] Mohd Khaidir Abdul Wahab & Hasmidar Hassan
Malaysia, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2025
xvi, 160p.
Includes Index
9789674619466
\$ 19.00 / PB
310gm.

Warisan Sakral dari Perspektif Bahasa mendokumentasikan warisan ritual sakral dengan memfokuskan warisan sakral dari aspek bahasa yang diamalkan oleh pelbagai etnik dan bangsa di Malaysia. Setiap masyarakat mempunyai ritual sakral yang tersendiri. Ritual sakral ini diamalkan mengikut kepercayaan dan pegangan agama masing-masing. Kebanyakan amalan dan ritual ini bertujuan untuk memohon kesejahteraan, keselamatan dan perlindungan daripada Tuhan. Namun, banyak amalan ritual yang semakin berubah dan disesuaikan dengan tuntutan agama serta budaya masyarakat yang semakin berkembang maju. Atas alasan ini, penulisan ini diusahakan bagi mendokumentasikan warisan ritual sakral untuk dirujuk oleh generasi akan datang. Buku ini wajar dijadikan sumber rujukan oleh pelajar, pensyarah, penyelidik, pencinta bahasa dan budaya, pembuat dasar serta masyarakat umum yang berhasrat meneliti warisan sakral dari aspek bahasa dan hubungannya dengan tujuan dan pengamalannya.

<http://www.marymartin.com/web?pid=887952>

Kepulauan Melayu: Ensiklopedia Berilustrasi Tamadun Dunia Silam / (Ed) Prof. Emeritus Dr. Muhammad Hj Salleh & Cik SriKandi
Malaysia, Kuala Lumpur: Hikayat Fandom Sdn Bhd, 2024
161p.
9786297654058
1. Hikayat - Heritage, - History - Malaysia.
\$ 80.00 / HB
1105gm.

Serumpun. Serantau. Sejarah Bersama. Sehati. Sejiwa.
Dua puluh lima ribu tahun dahulu, Pentas Sunda Ditenggelamkan samudera biru, dan terzahirlah gugusan Kepulauan Melayu.

[Malay Islands/ Encyclopedia]

<http://www.marymartin.com/web?pid=888499>

Kelestarian Pengajian Melayu Menerusi Penyelidikan / Shahidi A. Hamid, Awang Azman Awang Pawi & Mawar Safei
Malaysia, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024
375p.
Includes Index
9786294862487
\$ 20.00 / PB
550gm.

Buku 'Kelestarian Pengajian Melayu Menerusi Penyelidikan merupakan gabungan 17 buah bab yang merupakan antara hasil penelitian dan penyelidikan para ilmuwan Pengajian Melayu di Malaysia. Isu yang disajikan dalam buku ini sarat dengan pelbagai topik yang menyerlahkan kelestarian pengajian Melayu di Malaysia. Topik-topik ini merangkumi pelbagai aspek dalam bidang linguistik Melayu, kesusasteraan, kesenian dan kebudayaan Melayu. Menerusi bidang linguistik Melayu misalnya, telah diketengahkan kaedah penelitian varian bahasa Melayu secara berteknologi tinggi atau yang eksperimental sifatnya. Memetik kata2 Neil Alden Armstrong, "Research is creating new knowledge" maka penghasilan buku ini diharap dapat membudayakan pembangunan dan inovasi dalam penyelidikan berkaitan pengajian Melayu. Hakikatnya, penyelidikan mewujudkan penciptaan pengetahuan baharu dan/atau penggunaan pengetahuan sedia ada dengan cara baharu dan kreatif yang antara lainnya bertujuan menjana konsep, metodologi dan pemahaman baharu. Aktiviti penyelidikan melibatkan usaha-usaha mensintesis dan menganalisis hasil penyelidikan terdahulu sehingga ke tahap yang membawa kepada hasil baharu dan kreatif. [Sustainability/Malay Studies]

<http://www.marymartin.com/web?pid=888054>

Kedah Tua : Sejarah, Arkeologi Dan Naratif Baharu = Ancient Kedah : History, Archaeology & New Narratives / Nasha Rodziadi Khaw, Nazarudin Zainun & Suresh Narayanan
Malaysia, Selangor: Universiti Sains Malaysia & Think City, 2024
xxiv, 252p.

Malay & English
9789674619299
\$ 40.00 / PB
355gm.

Buku ini memaparkan tiga aspek utama naratif baharu. Pertama, sistem politik dan penempatan Kedah Tua tidak hanya berfungsi sebagai sebuah pusat pentadbiran dan kerajaan tetapi juga meliputi struktur politik, pusat ekonomi, populasi dan kompleks pentadbiran. Kedua, ekonomi Lembah Bujang tidak hanya berfokus kepada aktiviti perdagangan antarabangsa tetapi juga memiliki kepelbagaian aktiviti ekonomi termasuk industri serta pengumpulan sumber hutan dan maritim. Ketiga, kebudayaan dan demografi, berkaitan cara hidup yang terbahagi kepada tiga segmen, iaitu pedagang asing yang mengamalkan agama Hindu-Buddha dan kepercayaan masing-masing, golongan pemerintah dan bangsawan yang kehidupannya sedikit dipengaruhi amalan Hindu-Buddha dan terakhir, masyarakat tempatan yang mengamalkan cara hidup asal.

This book presents three key aspects of the new narratives. First, the Ancient Kedah settlement and political system not only functioned as a centre of administration and government, but also comprised the political structure, economic centre, population and administrative complex. Second, the economy of Lembah Bujang not only focused on international trade, but there existed diversity in terms of the economic activities carried out, such as industry and the collection of forest and maritime resources. Third, in terms of culture and demography, this relates to ways of life which are divided into three segments, namely foreign traders who practiced Hindu-Buddha religion and their own beliefs, rulers and noblemen whose lives were somewhat influenced by Hindu-Buddhist practices and lastly, the local communities that held on to their original way of life.

<http://www.marymartin.com/web?pid=888043>

Ilmu Alam Melayu: Mistik, Manuskrip and Mitologi / Naim Tamdjis
Malaysia, Kuala Lumpur: Patriots Asia Sdn Bhd, 2024
454p.
9789672437963
\$ 19.00 / PB
590gm.

Ilmu alam melayu ialah Sebuah karya yang mengupas secara mendalam misteri dan mistik yang melingkari tamadun melayu serta membongkar manuskrip-manuskrip melayu yang hilang. Bahagian pertama buku ini, "Mistik Alam Melayu", memperkenalkan anda kepada dunia pawang, bomoh dan dukun yang berperanan penting dalam masyarakat melayu dahulu. Bahagian kedua, "Manuskrip Melayu Yang Hilang," meneliti khazanah manuskrip Melayu yang mengandungi ilmu sains, Sejarah, undang-undang dan kesusasteraan. Penulis mengungkap karya-karya berharga seperti kitab mujarahat dan hikayat nurul lisan. Bahagian Ketiga, "Mantera Alam Melayu", mengupas jampi dan mantera yang digunakan dalam pelbagai upacara dan ritual.

[Mysticism/Malay Natural Science/ Mythology]

<http://www.marymartin.com/web?pid=888500>

Ilham & Inspirasi Seni Dan Budaya Alam Melayu / Ros Mahwati Ahmad Zakaria & Suhaini Md Noor
Malaysia, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024
275p.

Includes Index
98786294861558
\$ 34.00 / PB
410gm.

Alam sangat rapat dengan kehidupan manusia. Alam dihiasi dengan pelbagai bentuk dan warna yang indah. Alam menjadi sumber ilham dan inspirasi kepada para tukang dan pencinta seni alam Melayu. Pelbagai barangan dan reka bentuk dihasilkan bagi tujuan dagangan dan kegunaan masyarakat.

Kehidupan masyarakat Melayu tradisional yang sangat dekat dengan alam, menjadikan mereka terinspirasi dengan bentuk alam seperti gunung ganang, flora, foliage dan fauna dalam setiap aspek kehidupan mereka sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Peninggalan pelbagai barangan budaya dari generasi terdahulu menjadi bukti kepada keindahan ilham dan inspirasi yang dihasilkan oleh para tukang Melayu yang mahir dalam setiap medium dengan titipan falsafah yang menjadi nasihat atau peringatan tentang kebesaran Allah SWT.

[Art Inspiration/ Malay World Culture]

<http://www.marymartin.com/web?pid=888501>

Biography/Memoirs

Haruki Murakami Dalam Kesusasteraan Melayu / Mawar Safei
Malaysia, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024
151p.

Includes Index
9786294861831
\$ 14.00 / PB
230gm.

Book Details:

Haruki Murakami dalam Kesusasteraan Melayu mempertemukan dua wajah wilayah persuratan, iaitu Melayu dan Jepun. Lebih awal sastera Melayu meraikan tulisan Yasunari Kawabata, Kenzaburo Oe atau Matsuo Bashao, dan mutakhir ini ditemukan nama Haruki Murakami. Lima bab pertama buku ini merupakan tulisan yang bersifat kritikan terhadap kehadiran Haruki Murakami dalam gubahan karya penulis tempatan seperti Roslan Jomet, Juri Durabi, Zainal Rashid Ahmad dan Anwar Ridhwan. Sementara belahan keduanya menghimpunkan catatan pengakuan beberapa penulis, iaitu Lokman Hakim, Roslan Jomel, Ruhaini Matdarin, Rebecca Ilham dan Jasni Matlani, berkenaan dampak kepengarangan Haruki Murakami. Mereka bercakap tentang titik perkenalan dengan Haruki Murakami, membaca karyanya dan bagaimana hasil tulisan mereka menerima pantulan daripada novel atau cerpen, malah biografi sasterawan-pelari ini.

[History Memoirs/Japanese]

<http://www.marymartin.com/web?pid=887894>

Menjejak Matematik Dari Gombak Ke Cambridge / Prof. Madya Dr. Fatimah Abdul Razak
Malaysia, Selangor: Firdaus Press Sdn Bhd, 2024
ii, 255p.

9786299769927
\$ 25.00 / PB
300gm.

Selami dunia matematik dengan kisah-kisah yang menginspirasi di dalam buku ini. Dari persekolahan di Gombak hingga pengalaman di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Gombak, penulis berkongsi cerita-cerita menarik tentang tokoh-tokoh tempatan seperti Syamsul Yusof, Serina Redzuawan dan Chef Wan, dan bagaimana matematik menghubungkan mereka.

<http://www.marymartin.com/web?pid=887409>

Ecology/Environmental Studies

Kepelbagaian Amalan Kelestarian Alam Sekitar Dalam Kalangan Masyarakat Pelbagai Kaum Di Malaysia / (Ed) Mariney Mohd Yusoff & Ravindran Maraya
Malaysia, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2024
xx, 222p.
Includes Index
9789674883744
\$ 31.50 / PB
370gm.

Malaysia sebagai sebuah negara majmuk yang terdiri daripada tiga kaum utama iaitu Melayu, Cina, India, serta memiliki kepelbagaian amalan dalam memelihara dan melestarikan alam sekitar. Kesedaran terhadap kepentingan menjaga alam sekitar bukan sahaja merupakan tuntutan global, tetapi juga menjadi sebahagian daripada budaya dan nilai-nilai masyarakat Malaysia. Kepelbagaian amalan kelestarian alam sekitar di Malaysia merujuk kepada pelbagai usaha yang dilaksanakan oleh masyarakat, kerajaan, serta badan bukan kerajaan (NGO) untuk memastikan keseimbangan antara pembangunan dan pemeliharaan alam sekitar. Amalan kelestarian yang pelbagai, jika dilaksanakan dengan berkesan, mampu memelihara alam sekitar serta menjamin kemakmuran ekonomi dan sosial. Dalam konteks ini, kepelbagaian amalan kelestarian menjadi sangat penting, terutama apabila ditinjau daripada aspek budaya, ekonomi, dan ekologi. Ini juga menjanjikan kualiti hidup manusia yang bergantung pada keadaan persekitaran yang bersih dan sihat. Udara yang bersih, air yang tidak tercemar, dan kawasan hijau yang terjaga semuanya menyumbang kepada kesihatan fizikal dan mental.

<http://www.marymartin.com/web?pid=888502>

Aplikasi Sistem Maklumat Geografi (GIS) Dalam Perancangan Bandar / Rosliwati Zainol & Nur Aulia Rosni
Malaysia, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2024
xviii, 116p.
Includes Index
9789674883577
\$ 23.00 / PB
220gm.

Dalam buku Aplikasi Sistem Maklumat Geografi (GIS) dalam Perancangan Bandar, Dr. Rosilawati mengetengahkan pendekatan praktikal untuk mengaplikasikan GIS sebagai alat analisis dan perancangan yang berkesan. Beliau membimbing pembaca melalui konsep asas sehingga ke aplikasi lanjutan GIS, menjadikan buku ini sesuai untuk pelajar, penyelidik, dan profesional dalam bidang perancangan dan pembangunan bandar. Setiap bab mengandungi contoh kes yang relevan dan terkini, memperlihatkan cara GIS dapat digunakan untuk menyelesaikan isu-isu kritikal dalam perancangan seperti pemetaan kepadatan penduduk, perancangan laluan trafik, dan pemantauan perubahan penggunaan tanah. Buku ini bukan sahaja berfungsi sebagai sumber rujukan penting, tetapi juga sebagai panduan komprehensif kepada sesiapa yang berminat untuk mengaplikasikan teknologi GIS dalam menghasilkan perancangan bandar yang lebih inovatif, mampan, dan responsif terhadap cabaran urbanisasi yang semakin kompleks.

<http://www.marymartin.com/web?pid=888503>

Economics

Arus Perdana Gender Realiti Dan Retorik Dasar Awam Di Malaysia / Nur Syakiran Akmal Ismail & Rashila Ramli
Malaysia, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024
130p.
Includes Index
9789672388593
\$ 12.50 / PB

215gm.

Kemajuan sesebuah negara perlu mempertimbangkan kepentingan semua pihak termasuk wanita. Isu pemerksaan wanita pada masa kini sering diperkatakan. Malahan isu ini menjadi perhatian pada peringkat global. Kehidupan wanita secara umumnya yang masih dalam ruang lingkup patriaki menjadikan mereka terus didiskriminasi, terpinggir, terabai dan paling menyukarkan kehidupan mereka adalah penderaan yang terus berlaku biarpun dalam negara moden. Perjuangan feminis yang berterusan akhirnya mencetuskan dasar antarabangsa dalam menjamin kehidupan wanita agar lebih sejahtera. Oleh itu, arus perdana gender atau kata asalnya Gender Mainstreaming, telah diperkenalkan pada peringkat antarabangsa sebagai strategi untuk mencapai kesaksamaan gender. Pemerksaan wanita secara terancang juga dapat dicapai melalui pelaksanaan arus perdana gender.

[Gender Mainstream Reality]

<http://www.marymartin.com/web?pid=887954>

Kelestarian Penerbit Universiti: Cabaran Masa Kini / [Ed] Hariza Mohd Yusof, Adam Wong Abdullah & Noor Lide Abu Kassim

Malaysia, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2024

xiv, 144p.

Includes Index

9789674883614

\$ 31.00 / PB

240gm.

Kelestarian penerbit universiti merupakan isu yang selalu diperkatakan. Penerbit universiti berkait rapat dengan universiti masing-masing kerana mereka menjadi sayap yang memegang tanggungjawab sebagai penerbit bahan rujukan sama ada bersifat ilmiah atau genre penerbitan lain. Setiap penerbit universiti lazimnya mempunyai dasar yang berbeza-beza kerana ia bergantung pada niche atau keperluan universiti di Malaysia. Dasar dan penstrukturan penerbitan ini akan menjadi garis panduan utama tentang apa yang boleh diterbitkan atau tidak dapat diterbitkan. Dalam penerbitan buku kompilasi yang menekankan pengalaman penerbit universiti ini, terdapat beberapa perkara dan sudut pandang yang dilihat oleh para penulis yang mewakili kebanyakan penerbit di universiti. Kupasan berkaitan peranan penerbit universiti serta kitaran penerbitan, falsafah, hala tuju dan tanggungjawab penerbit universiti turut dikongsikan dalam buku ini.

[sustainability]

<http://www.marymartin.com/web?pid=888504>

Education

Fenomena Belia Kembang Lewat Di Malaysia / Nor Azrul Mohd Zin, Noordeyana Tambi & Jamiah Manap
Malaysia, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024

173p.

9786294862739

\$ 20.00 / PB

260gm.

Fenomena kembang lewat dalam pendidikan bukan lagi asing dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Umumnya, setiap individu mengimpikan pendidikan yang sempurna bagi mencipta masa hadapan yang lebih baik. Namun begitu, tidak semua diantara kita berpeluang untuk mencipta kejayaan dalam pendidikan pada usia yang ideal seperti yang diimpikan. Bagi mereka yang menjalani fasa pendidikan pada lewat usia, ia bukanlah sesuatu yang mudah. Seringkali tahap motivasi mereka diuji dengan pelbagai cabaran yang mendatang. Kualiti pendidikan yang terbaik dan daya tahan terhadap kelangsungan untuk terus berada dalam sistem pendidikan sehingga tamat pengajian bagaikan telur berada di hujung tanduk. Sokongan dan dorongan daripada pelbagai pihak memainkan peranan penting agar permata negara ini terus cecal menempuhi episod baharu setiap hari.

[Youth Phenomenon].

<http://www.marymartin.com/web?pid=888030>

History

Sejarah Negeri Pahang Hingga 1945 / Abu Talib Ahmad
Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2024
xxvii, 560p.
Includes Index ; Bibliography
9789834945688
\$ 50.00 / PB
770gm.

Sejarah Negeri Pahang Hingga 1945 merupakan satu usaha untuk menambah baik pendekatan Buyong berhubung dengan sejarah negeri, selain mengisi kekosongan sejarah jenis ini dengan memberikan tumpuan kepada negeri Pahang sebelum ditakluki Melaka pada kurun ke-15 hingga tahun 1945, apabila tamatnya pendudukan Jepun. Berbanding dengan Haji Buyong Adil, tumpuan diberikan pada aspek sosioekonomi dan kemunduran orang Pahang pada zaman kolonial, sementara untuk zaman pendudukan Jepun perhatian ditumpukan pada keadaan sosioekonomi, kependudukan, pembelajaran bahasa Jepun, perayaan Jepun dan kutipan zakat. Kajian bermula sebelum negeri ini ditakluki Melaka dan tamat pada tahun 1945 apabila Jepun menyerah kalah pada September tahun ini dengan perhatian kepada sejarah sosioekonomi dan juga politik.
<http://www.marymartin.com/web?pid=888048>

Kebangkitan Neomerkantilisme British Di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1895-1925 / Mohd Shazwan Mokhtar
Malaysia, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024
221p.
Includes Index
9786294862654
\$ 17.50 / PB
330gm.

Buku ini membawa pembaca untuk meneroka sejarah ekonomi Malaysia pada era kolonial lebih 100 tahun dahulu. Berdasarkan perspektif neomerkantilisme dan bukti-bukti sejarah yang diteroka sama ada di London mahupun Malaysia, penulis membuktikan bahawa kegiatan ekonomi di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu sebenarnya dikawal oleh kerajaan British melalui pentadbiran kolonial. Negeri-Negeri Melayu Bersekutu muncul sebagai antara negeri nuangan yang terkaya dalam empayar British sehingga dapat membiayai pembinaan kapal perang yang diberi nama H.M.S Malaya.

Walaupun Perang Dunia Pertama tidak berlaku di Tanah Melayu, episod perang dagang antara British dengan musuhnya terutamanya Jerman berimbas di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Episod ketirisan pengurusan kewangan oleh pentadbir kolonial juga diceritakan dalam buku ini di sebalik kemerosotan ekonomi yang berlaku selepas perang. Dalam kes tertentu, Lionel Guillemard, Pesuruhjaya Tinggi British membuat kenyataan yang menarik minat penulis untuk membongkar sisi gelap pentadbiran kolonial, iaitu "...the finances of the Federated Malay States now stand is not due as he asserts to 'the mistakes of the past...'"

[The Rise of British/Malay States]

<http://www.marymartin.com/web?pid=888034>

Sejarah Terengganu Menjelang Campur Tangan British 1919 / Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad
Malaysia, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024
171p.
Includes Index
9786294863088
\$ 17.50 / PB
140gm.

Sejarah negeri Terengganu menjadi istimewa berbanding negeri Melayu yang lain kerana menjadi negeri terakhir di Semenanjung Tanah Melayu yang menerima penjajahan British sepenuhnya setelah termeterai Perjanjian British-Terengganu 1919. Negeri Terengganu menjadi berbeza kerana hanya ejen British ditempatkan di

Terengganu setelah Perjanjian Bangkok 1909. Dengan itu, pemerintahan Terengganu masih berkesempatan untuk menanggukkan campur tangan British ke atas pemerintahan negeri mereka. British tidak menempatkan penasihat British di Terengganu kerana pemerintah Terengganu mengekalkan dasar mereka adalah negeri Merdeka berstatus Malaiyyiyah Islamiyyah. Terengganu tidak menerima pemerintahan pegawai Siam pada 1902 seperti negeri Kelantan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=888052>

Tamadun Melayu: Sejarah Warisan Dan Jati Diri / Asyaari Muhamad & Mohd Nasrula
Malaysia, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024
343p.
Includes Index
9786294862746
\$ 25.00 / PB
515gm.

Penghuni di kawasan Dunia Melayu merupakan salah satu daripada lima rumpun bangsa dan bahasa yang terbesar di dunia. Hari ini, 'Dunia Melayu' dari segi geo-politikinya merangkumi wilayah yang kita sebut sebagai Nusantara. Manakala dari segi kebudayaannya pula ianya merangkumi aneka budaya daerah dan kesukuan yang mana telah mengalami perkembangan yang agak terasing dan tersendiri semenjak runtuhnya Empayar Melayu, kemudiannya dipecah belahkan wilayahnya oleh penaklukan kuasa kolonial barat.

<http://www.marymartin.com/web?pid=888033>

Fahaman Syiah Dan Keselamatan Di Malaysia / Abdul Halim Daud, Zarina Othman & Nor Azizan Idris
Malaysia, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024
321p.
Includes Index
9786294862821
\$ 22.50 / PB
480gm.

Buku Fahaman Syiah dan Keselamatan di Molaysia adalah mengenal fahaman Syiah dan ancaman terhadap keselamatan nasional di negara ini. Dalam konteks hubungan antarabangsa, ia berkait rapat dengan isu agama dan konflik. Berakhirnya Perang Dingin membuka ruang kepada para sarjana untuk memikirkan kembali persoalan keselamatan nasional, terutama berkaitan isu ancaman bukan tradisional. Di Malaysia, Islam diperakui sebagai agama rasmi dalam Perlembagaan Persekutuan, dan fahaman Sunni menjadi pegangan penduduk majoriti. Namun, ajaran Syiah iaitu fahaman rasmi Republik Islam Iran, telah tersebar di Malaysia terutamanya selepas Revolusi Iran 1979. Pada tahun 1996, Muzakarah Fatwa Kebangsaan mengharamkan fahaman Syiah ini dengan hujah ia menyeleweng daripada pegangan Sunni di Malaysia. Kementerian Dalam Negeri Malaysia Juga mengambil tindakan sama menyekat fahaman ini, dibimbangi ia boleh mencetuskan ancaman terhadap keselamatan negara.

[Shia Understanding/Security]

<http://www.marymartin.com/web?pid=888051>

Law

Kaedah Menangani Salah Laku Jenayah Syariah / Ahmad Azam Mohd Shariff & Mohamad Azhan Yahya
Malaysia, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024
147p.
Includes Index
9786294862869
\$ 15.00 / PB
215gm.

Buku ini membincangkan dan menghimpunkan penulisan mengenai pengaplikasian prinsip syariah yang boleh dilaksanakan dalam perundangan syariah bagi menangani salah laku jenayah syariah di Malaysia. Kesemua isu-

isu perundangan yang terkandung dalam buku ini wujud sebagai masalah semasa yang memerlukan penganalisaan terperinci. Analisa dibuat berdasarkan perundangan semasa yang diaplikasikan di mahkamah. Selain itu, buku ini turut meneliti bagaimana prinsip-prinsip syariah boleh diintegrasikan dengan sistem perundangan yang sedia ada untuk memperkukuhkan lagi keadilan dan ketelusan dalam proses kehakiman. Penulis juga membincangkan cabaran-cabaran yang dihadapi dalam mengaplikasikan prinsip-prinsip ini termasuk halangan dari segi perundangan, sosial dan budaya.

[Syariah Crimes]

<http://www.marymartin.com/web?pid=888021>

Linguistics

Linguistik Bandingan Bahasa Miriek / Siti Hajar Mohammed, Rahim Aman & Shahidi A.H.

Malaysia, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024

229p.

Includes Index

9786294862371

\$ 23.50 / PB

340gm.

Linguistik Bandingan Bahasa Miriek adalah sebuah buku yang membahaskan aspek rekonstruksi fonem, leksikal dan klasifikasi

varian Miriek yang wujud di Miri, Sarawak. Lima varian Miriek dijadikan sumber pemerian iaitu varian Bakam (BKM), varian Dalek (DLK), varian Bakong (BKG), varian Narom (NRM) dan varian Kiput (KPT). Dalam penentuan rekonstruksi dan klasifikasi VM ini kaedah linguistik bandingan digunakan. Penggunaan kaedah bandingan ini semata-mata untuk mencapai satu hasil perbandingan yang lebih tabii atau bersifat realiti. Berdasarkan rekonstruksi yang telah dilakukan BMP mempunyai 18 buah konsonan purba, 5 buah vokal purba dan 5 buah diftong purba. Pemerian ini juga menghasilkan 30 jenis inovasi fonologi dan 16 inovasi leksikal. Selanjutnya, ikatan kekerabatan antara varian menunjukkan varian BKM, BKG, NRM dan DLK memiliki ikatan kekerabatan yang dekat berdasarkan perkongsian varian-varian ini dalam satu cabang warisan yang sama. Varian KPT pula memiliki kekerabatan yang lebih jauh kerana varian ini berada dalam garisan warisan yang tersendiri.

[Comparative Language Linguistics]

<http://www.marymartin.com/web?pid=888031>

Medan-Medan Dalam Sistem Persuratan Melayu [2nd Edition] / Mohd. Affandi Hassan

Malaysia, Selangor: Wadi Al-Hrfan, Akademi Jawi Malaysia, 2024

xxiv, 80p.

Includes Index ; Bibliography

9789672422662

\$ 20.00 / PB

170gm.

Buku ini menghuraikan secara terperinci tentang perubahan pandangan alam yang berlaku dalam sejarah kesusasteraan Melayu, iaitu daripada pandangan alam Hinduisme, kepada pandangan-alam Hindu-Buddha, dan kemudiannya pandangan alam berteraskan Islam. Turut dibicarakan dalam buku ini adalah implikasi kemasukan ideologi-ideologi Barat terhadap perkembangan kesusasteraan Melayu khususnya dalam bidang kritikan sastera. Buku ini menegaskan bahawa kemasukan ideologi Barat dalam kritikan sastera Melayu telah disambut tanpa pemahaman yang jelas. Ini menyebabkan lahirnya kritikan-kritikan sastera yang bersifat mengelirukan, serta meminggirkan pandangan-alam Islam yang melingkungi kebudayaan dan kesusasteraan Melayu. Dalam konteks inilah, buku ini menyanggah syarahan perdana Profesor Emeritus Dr. Muhammad Hj. Salleh berjudul Puitika Sastera Melayu: Satu Pertimbangan [1989].

[Malay Literary System]

<http://www.marymartin.com/web?pid=888505>

Literature

Aku Dan Kolej Mara Kuala Nerang Kmkn: 83 Cerita Luar Biasa Dan Berinspirasi Berdasarkan Kisah Benar Di Sebuah Kolej Terhebat / (Ed) Nizam Wahid
Malaysia, Selangor: Firdaus Press, 2024
395p.
9789671824269
\$ 22.50 / PB
530gm.

Kolej MARA Kuala Nerang (KMKN) ibarat rama-rama yang berterbangan mengindahkannya alam, mewarnai sekitar dan menceriakan orang yang melihat. Namun tugas itu tidak semudah yang disangka kerana rama-rama juga perlu menempuh hari-hari yang sukar dalam kitaran hidupnya. Jika mahu melihat kolej terhebat, jenguk-jenguk siapa pendidiknya. Jeling-jeling siapa pengurusan dan stafnya yang senantiasa setia dan berdiri teguh. Kehebatan tidak dibina dengan jalan mudah dan singkat. Ianya memerlukan banyak pengorbanan, kesungguhan, kerjasama dan komitmen luar biasa. Di sebalik wajah ceria warganya pasti ada susah payah dan jatuh bangun dalam perjuangan. Cerita-cerita anekdot ini adalah gabungan tema sedih, gembira, humor, seram, inspirasi, motivasi, biografi, santai dan kejayaan. Segala-galanya terangkum di dalam buku AKU & KMKN daripada luahan rasa 83 penulis dalam kalangan pengurusan, pensyarah dan staf KMKN.
[83 Short Stories]

<http://www.marymartin.com/web?pid=888506>

Cahaya Buat Safa / Mia Azwari
Malaysia, Pahang: Mia Azwari Enterprise (Self-Published), 2024
474p.
9786299811824
\$ 17.50 / PB
455gm.

Kembalikan Api Cinta Di Hatinya Agar Aku Diberi Peluang Menjadi pemilik Cahaya itu.
[Novel]

<http://www.marymartin.com/web?pid=883807>

Tengku Arsyad / (Et-AL.) Jaja Ahmad, Umar Hatta
Malaysia, Selangor: Anaasa Publication, 2024
514p.
9789672787303
\$ 21.00 / PB
360gm.

Arsyad yang membawa rajuk ke negara Uncle Sam dipanggil pulang setelah Tengku Budriz jatuh sakit. Sebaik sahaja dia tiba, rencana pernikahannya terus dimulakan oleh kedua belah keluarga. Dalam Arsyad berperang dingin dengan bapanya, rancangan perijodohan itu tetap diterima. "Boleh tak you potong rambut sebelum kita bertunang nanti?" - Qasrina
"You tak suka rambut I?" - Arsyad "Suka. Tapi..." - Qasrina "I won't cut my hair, Qasrina." - Arsyad Tetapi kehidupan Arsyad tidak semudah urusan jodohnya. Kemunculan Darwish dan Armel menambahkan rajuk yang tidak pernah surut. Keluarganya terus berantakan sehingga akhirnya telah membongkarkan satu rahsia yang membuatkan Arsyad terus dirundum duka. Dan kehadiran Khairil pula mula menggoyahkan pernikahan yang dibina. "You chose to hide about him because he is the one you love. Not me." - Arsyad "Syad..." - Qasrina "It hurts Qasrina. So damn hurt." - Arsyad Akan adakah sinar bahagia buat Tengku Arsyad? Kita bertemu di dunia yang sementara ini adalah untuk berpisah.

[Novel]

<http://www.marymartin.com/web?pid=888507>

Yara Medina, Aku Cinta Kamu! / Fazila Adam
Malaysia, Selangor: Anaasa Publication, 2024

352p.
9789672787242
\$ 15.00 / PB
300gm.

Sikap womaniser si abang telah meragut kesucian si adik. Angkara dendam Yara Medina kehilangan mahkotanya. Gadis periang bertukar murung. Yara Medina mula menjadi pelarian. Lari daripada orang yang mengenali dirinya. Bukan mudah untuk dia bangkit untuk melawan perasaan kecewa. Demi kelangsungan hidup dia perlu bangkit dengan identity baru. Gadis yang cantik pastinya akan menjadi perhatian. Namun demi sebuah rahsia dia harus lupakan hasrat yang bertamu di hati. Pedih apabila kita mampu melihat namun tak mungkin memiliki. Dunia kecil temukan kembali dia dengan Zayne Rafael, lelaki yang telah meninggalkan memori hitam dalam hidupnya. Zayne Rafael kian mendekat, Yara Medina makin menjauh.

[Novel/Romance]

<http://www.marymartin.com/web?pid=888508>

Perempuan Patani / Suraiya Chapakiya
Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2024
224p.
9789834943622
\$ 10.50 / PB
180gm.

Dalam novel ini, penulis menceritakan permasalahan dan cabaran hidup masyarakat Patani dari dalam, dan kisah yang dipaparkan merupakan biasan realiti hidup orang Patani dalam sebuah negara bernama Thailand. Watak utama dalam novel ini merupakan seorang yang mempunyai cita-cita tinggi untuk Berjaya walaupun telah berumur dan berkeluarga.

[Novel]

<http://www.marymartin.com/web?pid=888047>

Seperti Dua Insan Bercinta / Dilla Ahmad
Malaysia, Selangor: Anaasa Publication, 2024
410p.
9789672787280
\$ 19.50 / PB
310gm.

Pertemuan semula antara Iman Fatini dengan bekas suaminya, Ziyad Hidayat membuatkan perasaan Iman berbelah bagi. Antara benci dan keliru. Lebih-lebih lagi bila Iman melihat perubahan sikap Ziyad terhadapnya. "Kalau Iman tak nak bangun, abang akan baring sebelah Iman macam sepuluh tahun dulu. Iman nak? Boleh peluk-peluk, main tindih-tindih. Nak?"-ZIYYAD HIDAYAT. Terimalah aku Kembali.

[Novel Romance]

<http://www.marymartin.com/web?pid=888509>

Bohong / Nizam Shadan
Malaysia, Petaling Jaya: Buku Fixi Sdn Bhd, 2024
287p.
9786297693132
\$ 14.00 / PB
240gm.

Demi mengelak daripada perlu bersusah payah mengangkat air, lima sekawan yang terdiri daripada Bai, Nabil, Seth, Roh dan Lennon memilih untuk mandi dekat tangki air di belakang bengkel Kemahiran Hidup. Tanpa disangka, mereka didatangi oleh Saubo, sang jelmaan 'Kurt Cobain' yang pelik namun cukup ramah. Ibarat jin dalam lampu ajaib yang boleh mengabulkan apa-apa permintaan, Saubo menjual sepotong bohong kepada mereka. Maka termaktublah sebuah perjanjian. Setiap yang mereka impikan satu per satu menjadi kenyataan.

[Fiction]

<http://www.marymartin.com/web?pid=888510>

Bumi / Benz Ali
Malaysia, Selangor: Gerakbudaya Enterprise, 2025
vi, 350p.
9789670076485
\$ 19.00 / PB
390gm.

Mutan, Membencikan. Alien, Menyesakkan.
Pisarev, Nihilis yang tidak peduli dan tidak mahu ambil tahu. Zekk Anarkis ruang ketiga yang anti gendarme.
Djamila Bouhired mahu menyatukan semua Kumpulan resisten. Mohd. Effendy, mahu mengusir alien-alien keluar dari bumi, kembali ke stesen angkasa mereka. Semuanya bergelut dan bergumpal dalam bumi, dengan ideologi yang mereka yakni.
[Sci-Fi/Political Novel].

<http://www.marymartin.com/web?pid=888511>

Naal / Sskarno
Malaysia: Sskarno (Self-Published), 2024
324p.
9789672787310
\$ 14.50 / PB
270gm.

Benarkah cinta bukan produk intelektual pada zaman moden ini sebab manusia sudah dibutakan hati dengan terlalu mengagungkan kemajuan. Pemburu kemajuan itu sendiri lebih bersifat mementingkan diri sendiri. Begitu dalam cerita Naal. Kisah Soma rakan Naal yang kematian isterinya yang dianggap seperti mentari yang senantiasa menyinari. Kematian Miki dianggap suatu kehilangan yang tiada gantinya. Impian nya untuk bersama isteri nya dikekalkan dengan mencipta sebuah robot yang sama seperti wajah Miki.
Begitu juga Naal yang menghadapi penyakit gangguan tidur berjalan atau sleepwalking yang dialami sejak kecil menemukan dirinya sering didalam kekeliruan.

[Novel Romance]
<http://www.marymartin.com/web?pid=885780>

Cinta Dalam Diam / Shieyrana
Malaysia, Selangor: Anaasa Publication, 2024
584p.
9789672787259
\$ 21.00 / PB
430gm.

Sejak pertemuan pertama sudah menjentik hati Syed Haiqal tanpa dia sedar. Hati yang tertutup dibuka semula untuk untuk Awina Aleeya yang tiba-tiba jadi calon jodoh yang tidak disangka. Terkadang diepndam itu...
Tidak membahagiakan.
[Novel]

<http://www.marymartin.com/web?pid=888512>

Di Dalam Takdirnya Ada Kita... / Dilla Ahmad
Malaysia, Selangor: Anaasa Publication, 2023
524p.
9789672787198
\$ 19.50 / PB
360gm.

Kematian kakaknya, Dahlia, membawa Anna Izzati ke Kuala Lumpur. Kebenaran yang dia terima membuatkan hatinya seperti dikhianati. Kakak yang dia sayang dan percaya rupanya selama ini membohonginya.

“Tuan nak tolong saya sebab tuan kenal rapat dengan arwah kakak saya atau...” – ANNA “Katakanlah dia ada hutang yang belum dijelaskan dengan I, jadi you sebagai adik kenalah jelaskan hutang itu.”- TUAN ZACHARY
Hutang apa yang belum dijelaskan? Anna keliru. Segala rahsia cuba dia selongkar. Namun masih tiada jawapannya. Yang dia tahu lelaki bernama Tuan Zachary itu pernah menjadi kekasih kakaknya sehingga kakaknya dikatakan mengandungkan anak lelaki itu. Tapi betul ke?

“Jangan nak nafikan, tuan. Hal ini cuma kita saja yang tahu. Kalau anak itu bukan anak tuan, anak siapa lagi?”- ANNA

“Macam mana anak itu boleh jadi anak I sedangkan I tak pernah bersama Dahlia?” - TUAN ZACHARY
[Novel Romance]

<http://www.marymartin.com/web?pid=888513>

Hanya Satu Malam (Akan Ku Kejar Bayangmu Ke Mana Saja) / Farra Farisha

Malaysia, Selangor: Firdaus Press Sdn Bhd, 2024

560p.

9786299937739

\$ 17.00 / PB

450gm.

Hanya satu malam maruah diri Naura Arissa diragut tanpa kerelaan. Niat diri yang mahu menambah sedikit pendapat untuk membantu keluarga, tiba-tiba bertukar menjadi suatu detik malang untuknya. Setelah tahu dirinya hamil, Naura nekad bertemu dengan sang pelaku untuk bertanggungjawab. Harapan Naura musnah bila si lelaki enggan menuruti dengan memberikan pelbagai alasan.

[Novel Romance]

<http://www.marymartin.com/web?pid=888514>

Bukan Isteri Rahsia (Jangan Pernah Tinggalkan Aku) / Farra Farisha

Malaysia, Selangor: Pena Seni Publication Resources, 2024

524p.

9786299937746

\$ 17.50 / PB

415gm.

Widya Emiesya dan Zair Nazeef bersahabat baik. Setiap kali Widya bersedih, Zair akan menjadi tempat dia mencurahkan perasaan. Perhubungan yang rapat, buat mereka tidak pernah berahsia di antara satu sama lain. Mereka diibaratkan teman tapi mesra disebabkan itu, satu insiden yang tak diduga membuatkan mereka terjerumus melakukan dosa.

<http://www.marymartin.com/web?pid=886914>

Hero Si Pembuli (Novel Ke 3) / Farra Farisha

Malaysia, Selangor: Pena Seni Publication Resources, 2024

538p.

9786299937722

\$ 17.00 / PB

430gm.

Marsya Izara tidak pernah terfikir menjadi janda pada usia muda. Bertemu semula dengan Zahim Rizqi sahabat lama ketika kecil dan merangkap bos di tempat kerjanya menjadikan hidup Marsya bertambah haru-biru. Rizqi yang pernah menyimpan dendam pada Marsya mengambil peluang yang ada untuk melunas dendamnya itu. Bermula hanya membalas dendam lama kelamaan, membuatkan Rizqi bertambah gembira pula bila dapat membuli dan mengusik Marsya. Kena pula dengan Marsya yang memang kuat melawan arahan dan kata-kata Rizqi. Semua itu membuatkan Rizqi rasa tercabar. Tak habis membuli dan mengusik, Rizqi menggoda pula Marsya hingga membuatkan kekasihnya sendiri salah faham.

<http://www.marymartin.com/web?pid=888515>

Dr Eshan Thifal = Hidden Guardian (Novel Ke 22) / Farra Farisha

Malaysia, Selangor: Pena Seni Publication Resources, 2024

526p.
9786299937708
\$ 17.00 / PB
430gm.

Eshan Thifal merupakan seorang pensyarah. Memiliki rupa yang tampan dan penampilan yang bergaya hingga membuatkan ramai mata yang tertarik saat pertama kali melihatnya. Walaupun begitu, bukanlah mudah untuk mendekati dirinya. Sifat Eshan yang tegas, dingin dan tidak mesra membuatkan semua pelajar berfikir dua kali untuk mempunyai hubungan dengannya kecuali melibatkan pelajaran. Namun berbeza dengan Yara Clarissa bila dia tidak pernah kisah dengan semua perkara itu. Yara Clarissa selalu hanyut dalam dunianya sendiri. Sering tidur dalam kelas dan lambat menyiapkan tugasan adalah antara perangai Yara, sekalipun semasa kelas Eshan!

[Novel]

<http://www.marymartin.com/web?pid=888516>

Mamat Tak Ada Perasaan / Farra Farisha
Malaysia, Selangor: Pena Seni Publication Resources, 2024
610p.
9786299937715
\$ 17.00 / PB
490gm.

Perasaan Tak Pernah Menzahirkan Rasa...

[Novel]

<http://www.marymartin.com/web?pid=888517>

Mustafa: Hikayat Keruhanian Seorang Kiai / Jamal Ismail
Malaysia, Selangor: Akademi Jawi Malaysia Sdn Bhd, 2025
558p.
Bahasa Jawi
9789672422686
\$ 28.00 / PB
720gm.

Dahagi Singapura 1915. Bumi Temasik berdarah dengan peristiwa pemberontakan askar Sepoy British beragama Islam, selepas mendengar khabar akan dihantar menentang Kerajaan 'Uthmaniyyah dalam Perang Dunia Pertama. Hikayat Keruhanian Seorang Kiai oleh Jamal Ismail ini mengisahkan pengembaraan seorang tuan guru yang 'alim lagi sufi, menghadapi pelbagai musuh yang berbeza kepercayaan dan kepentingan, demi menegakkan ajaran Islam yang benar di bumi Singapura dalam suasana penuh pergolakan itu. Pengarang yang menerima Anugerah Tun Seri Lanang Singapura 2023 ini telah menzahirkan intisari ma'na ruhani dari samudera ajaran Islam dengan cerita yang lincah, watak yang hidup dan babak-babak yang membekas.

[Novel Jawi]

<http://www.marymartin.com/web?pid=887846>

Uri / Lyla, Nurhayati Isyak & Jessy Mojuru
Malaysia, Selangor: Karya Publika Sdn Bhd, 2023
417p.
9789672394389
\$ 15.00 / PB
300gm.

"Isi diari ceritakan banyak benda tersirat aku tak faham. Aku baca ni... kau dengar betul-betul. Apabila tiba musimnya, 'mereka' muncul untuk menagih habuan ikat janji alam kegelapan. -ALIDAD "Mak tak sedap hati lepaskan Li ke sana. Kalau ayah tu lari dari kisah silamnya dan rahsiakan asal usulnya pasti ada sesuatu yang dahsyat terjadi. Mak takut nanti jadi hal buruk pada kamu. Sedangkan ayah lari dari sana dan bina kehidupan baru tapi Li pula cuba bongkar dan hadap semua tu kembali. Kita pun tak tahu berdepan dengan apa di sana." PUAN MASTURA

MISI - NURHARYATI ISHAK

"Mana urinya? Oh, di sini ya? Bagi akak ye? Akak bawa balik bagi pada suami Ain."- SAKINAH

Dia duduk mencangkung dan mengambil sesuatu yang sudah berbungkus dari bawah katil. Wajahnya menyeringai dan sangat menakutkan Kemudian terdengar sayup-sayup bunyi mengilai yang sangat menakutkan. Kau sudah terlalu jauh masuk campur dalam urusan aku! Ada ubi ada batas. Ada hari, dendam pastikan kubalas!

[Fiction Thriller]

<http://www.marymartin.com/web?pid=888518>

Berakhimya Penantian / Farra Farisha

Malaysia: Farra Farisha Publication, 2024

398p.

9786299674689

\$ 17.00 / PB

Malay Fiction

<http://www.marymartin.com/web?pid=886913>

Music

Alat Muzik Tradisional Malaysia: Reka Bentuk, Bahan, Fungsi / Partricia Matusky

Malaysia, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya Press, 2024

xx, 164p.

Includes Index

9789674883706

\$ 28.00 / PB

290gm.

Buku ini memberi gambaran dan penerangan terperinci berkenaan alat-alat muzik tradisional secara teknikal dan sistematik. Apa yang penting adalah pemahaman tentang alat-alat muzik di seluruh negara dalam konteks 'budayamuzik' [music-culture] semua komuniti di negara ini. Kandungan buku ini disusun mengikut sistem formal klasifikasi alat muzik di seluruh dunia. Kebanyakan ilustrasi fotografi dalam buku ini adalah daripada dokumentasi penulis sendiri semasa menjalankan kajian lapangan di kawasan tertentu di Semenanjung Malaysia serta di Sarawak dan Sabah. Penyelidikan ini merangkumi tempoh hampir 40 tahun dari pertengahan 1970-an.

[Musical Instruments/Design, Materials, Functions]

<http://www.marymartin.com/web?pid=888519>

Politics / Current Affairs

Kerangka Malaysia Madani: Sistem Politik Dan Perundangan / Wan Ahmad Fauzi Wan Husain

Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2024

ix, 260p.

Includes Index ; Bibliography

9789834945527

\$ 23.50 / PB

315gm.

Buku ini membawa para pembaca untuk menyoroti aspek tersebut mengikut konteks tempatan berlandaskan sejarah perundangan bagi pembentukan amalan yang bersesuaian di Malaysia. Buku ini berusaha untuk merentasi jurang pemikiran yang ada dengan membawa naratif baharu melalui rekonstruksi konsep kerakyatan, kebangsaan dan kewarganegaraan berteraskan pemupukan nilai watan sebagai impetus menjayakan agenda perpaduan rakyat Malaysia yang madani melalui semangat cintakan tanah air berpendekatan asimilasi dan akomodasi. Raja berperlembagaan yang mewakili kesetiaan kepada raja dan negara yang menjunjung bidup bertuhan, kedaulatan undang-undang dan keluhuran perlembagaan merupakan empat prinsip Rukun Negara yang diangkat untuk mengukuhkan konsep Malaysia Madani dari sudut etika tadbir urusnya. Selanjutnya, jati diri

bangsa Malaysia mengemukakan aspek yang perlu disantuni dengan penuh kesesuaian oleh setiap warganegara Malaysia dengan mengekalkan nilai kemoralan berteraskan agama dan adat tempatan melengkapinya prinsip Rukun Negara. Konsep Malaysia Madani seperti diletakkan dalam kerangka etika berpaksikan sistem politik dan perundangan yang berkeluhuran Perlembagaan Persekutuan diyakini dapat membina semula ketamadunan Malaysia yang sejahtera tanpa mencicirkan unsur insani dan jiwa bangsa.

<http://www.marymartin.com/web?pid=888044>

Politik Wanita Melayu: Emansipasi Dan Kemerdekaan / Muhammad Rahimi Hasan
Malaysia, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024
149p.

Includes Index
9786294862425
\$ 20.00 / PB
190gm.

Politik wanita Melayu era pra merdeka ditafsir dan dikenang sebagai perjuangan politik kebangsaan. Ia berpunca daripada cetusan dan perkembangan pesatnya sekitar tahun 1945 hingga 1957 iaitu kemuncak kebangkitan semangat kebangsaan orang Melayu bersama etnik Cina dan India menuntut kemerdekaan tanah air. Sayap wanita parti politik Melayu iaitu Angkatan Wanita Sedar (AWAS) dan Kaum Ibu UMNO memperkukuh lagi lesna pemahaman politik wanita Melayu berdasarkan nasionalisme. Namun, realiti masyarakat era pra merdeka yang konservatif mengekang penglibatan golongan wanita dalam politik.

[Women's Politics/ Emancipation/Independence]

<http://www.marymartin.com/web?pid=888520>

Perjuangan Orang Aceh: Naratif, Hubungan Etnik Dan Konflik / Cut Maya Aprita Sari, Kartini Aboo Talib @Khalid & Shazlin Amir Hamzah

Malaysia, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024
289p.

Includes Index
9786294861725
\$ 25.00 / PB
440gm.

Buku ini membahas tentang perjuangan orang Aceh melingkupi naratif, konflik dan hubungan etnik orang Aceh sejak tahun 1500-an sehingga tahun 2022. Buku ini dibagikan dalam empat fasa konflik, iaitu era kesultanan, kolonialisme, pascakolonialisme dan pasca-MoU Helsinki. Para sarjana baik lokal mahupun antarabangsa telah mengambil berat atas konflik Aceh yang berterusan. Namun demikian, trend penerbitan terdahulu menunjukkan bahawa sejarah konflik Aceh dibincangkan secara berasingan dari satu fasa ke fasa yang lain. Hal ini menyukarkan pembaca untuk mendapatkan gambaran yang jelas mengenai konflik Aceh secara keseluruhan. Buku ini justeru mengisi kelompongan tersebut dengan membahaskan sejarah konflik dan perjuangan orang Aceh secara komprehensif.

<http://www.marymartin.com/web?pid=888046>

Falsafah Patriotisme Perspektif Barat / Makmor Tumin & Nur Hairani Abd Rahman
Malaysia, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2025
viii, 114p.

Includes Index
9789674883720
\$ 22.00 / PB
200gm.

Apakah makna patriotisme dalam falsafah politik Barat? Bagaimana pemikir-pemikir utama mengupas dimensi kompleksnya — kecintaan kepada tanah air, pengorbanan individu dan ketegangan antara nilai sejagat dengan kesetiaan kepada negara? Buku Falsafah Patriotisme Perspektif Barat ini menawarkan penerokaan mendalam tentang asas falsafah patriotisme, menjejaki evolusinya melalui pemikiran kritikal Barat. Bermula dari hasrat dan cita-cita Pencerahan mengenai kesamarataan dan kemanusiaan hingga perdebatan moden tentang

perlembagaan dan identiti, buku ini menganalisis bagaimana patriotisme telah diterokai sebagai suatu kekuatan penyatuan dan sumber konflik. Dengan mengupas pelbagai perspektif—dari sentimen moral Adam Smith hingga etika rasionaliti komunikatif Jürgen Habermas—karya ini menghubungkan perdebatan sejarah dan kontemporari, memberikan pencerahan tentang akar falsafah peranan patriotisme dalam negara, masyarakat dan identiti individu.

<http://www.marymartin.com/web?pid=888521>

Religion-Islam

Rupa-Rupanya Ramadan (Edisi Ramadan) / Neelofa & Haris Ismail
Selangor, Malaysia: Emhatch Peterschoff Resources, 2024
150p.
9786299655527
\$ 20.00 / PB
215gm.

Rupa-rupanya Ramadan adalah himpunan kisah-kisah yang berlaku di bulan ramadan di zaman para-Nabi, para sahabat dan zaman Khalifah yang semestinya sarat dengan hikmah untuk generasi selepasnya berfikir dan mengambil tauldan. Uniknyanya rupa-rupanya Ramadan ialah, pembaca akan melewati doa-doa dan amalan-amalan pembuka rezeki yang boleh diamalkan sepanjang bulan Ramadan dan sepanjang kehidupan kita selepas perginya Ramadan. Rupa-rupanya Ramadan adalah untuk semua peringkat usia. Untuk usia dewasa, buku ini akan memberi satu dimensi baru yang lebih positif dalam kita mengharungi hari-hari sepanjang bulan Ramadan. Manakala untuk peringkat remaja dan kanak-kanak, buku ini amat bermanfaat dalam mendidik mereka tentang puasa dan agama.

[Muslim Month Of Fasting]

<http://www.marymartin.com/web?pid=888522>

Tinjauan Ringkas Peri 'Ilmu dan Pandangan 'Alam (Jawi 2nd Edition) / Mr. Mohammed Al Naqeeb Al-Attas
Malaysia, Selangor: Akademi Jawi Malaysia Sdn Bhd, 2024
118p.
Includes Index
Arabic
9789672422679
\$ 27.50 / PB
310gm.

Keistimewaan Tinjauan Ringkas (Jawi).

Tinjauan Ringkas Peri 'Ilmu dan Pandangan 'Alam versi Jawi ini disalin sepenuhnya mengikut versi asal Ruminya, tanpa mengubah gaya bahasa asal pengarang iaitu Tan Sri Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas. Penerbitan kali ini disuratkan sepenuhnya mengikut qa'idah Jawi Tradisi Akademi Jawi Malaysia, yang sesungguhnya dapat menzahirkan dengan sempurna gaya bahasa pengarang. Kesemua 7 bab Tinjauan Ringkas Peri 'Ilmu dan Pandangan 'Alam ini dimuatkan dalam 20 baris penuh pada setiap halaman seperti kebiasaan gaya penulisan manuskrip dan kitab-kitab Jawi.

[Jawi Book/Knowledge And Views]

<http://www.marymartin.com/web?pid=888523>

Kompas Ibadat Jilid Pertama / Khaira Al-Aqmar Bin Abdul Latif
Malaysia, Kuala Lumpur: Akademi Jawi Sdn Bhd., 2025
40p.
In Jawi
9789672422693
\$ 15.00 / PB
140gm.

Kompas 'Ibādat Mu'minīn Sharah Minhāj al-'Ābidīn ini ialah sehimpunan intipati penting yang terkandung dalam kitab Minhāj al-'Ābidīn Imām al-Ghazālī, serta sharahnya oleh pengarang dalam bentuk yang ringkas. Penerbitan ini dimulakan dengan jilid pertama yang padanya mengandungi ringkasan 'aqabah pertama dan kedua daripada Minhāj al-'Ābidīn. Kitab ini dicetak dengan saiz yang lebar bagi memudahkan para penuntut 'ilmu mencatat sharahan pengarang dalam majlis pengajiannya.

[Compass of Worship]

<http://www.marymartin.com/web?pid=888524>

Perkahwinan Kanak-Kanak Dalam Islam / Muhammad Al-Ghazali Abdol Malek & Mohd Al Adib Samuri
Malaysia, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024

175p.

Includes Index

9786294862364

\$ 13.00 / PB

260gm.

Buku Perkahwinan Kanak-Kanak dalam Islam merupakan hasil penyelidikan mendalam yang menganalisis perspektif pemimpin agama dan pihak berkepentingan terhadap amalan kontroversi perkahwinan kanak-kanak dalam masyarakat Muslim. Penulis menyelami akar sejarah dan budaya perkahwinan kanak-kanak dalam Islam, dan perdebatan yang berterusan mengenai isu tersebut. Melalui temu bual mendalam dengan para hakim, mufti, ulama, ahli akademik dan aktivis, buku ini menerokai faktor perundangan Islam, budaya dan sosial yang mempengaruhi pandangan pemimpin tentang perkahwinan kanak-kanak menurut konteks semasa. Buku ini mengupas pelbagai pendapat dan tindak balas pemimpin agama terhadap usaha berterusan bagi membendung perkahwinan kanak-kanak yang sebahagiannya menyokong sementara sebahagian yang lain menentang agenda tersebut. Buku ini merungkakan peranan pemimpin agama dalam membentuk sikap dan amalan masyarakat, dan potensi mereka untuk menjayakan agenda pembendungan perkahwinan kanak-kanak. Buku ini wajar dibaca dengan harmoni untuk memahami perspektif pemimpin agama dan pihak berkepentingan mengenai topik sensitif ini dan usaha berterusan bagi membendung amalan yang memudaratkan ini.

[Child Marriage In Islam]

<http://www.marymartin.com/web?pid=888027>

Pemikiran Dakwah Dalam Penulisan Kisah Nabi Dan Rasul Di Alam Melayu / Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi,
Wan Nasyrudin Wan Abdullah & Khazri Osman

Malaysia, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2025

viii, 144p.

Includes Index

9789674883546

\$ 23.00 / PB

240gm.

Buku Pemikiran Dakwah dalam Penulisan Kisah Nabi dan Rasul di Alam Melayu membahas konsep Maqasid al-Syariah, yang merujuk kepada tujuan-tujuan utama Syariah Islam, dalam konteks penulisan dakwah. Maqasid al-Syariah berfungsi sebagai kerangka kerja yang memastikan setiap aspek kehidupan, termasuk dakwah, selaras dengan prinsip-prinsip Islam yang lebih luas. Buku ini menjelaskan bagaimana penulis dan pendakwah mengintegrasikan prinsip-prinsip Maqasid dalam karya-karya mereka untuk memastikan mesej yang disampaikan tidak hanya sah daripada segi hukum, tetapi relevan dan berkesan dalam mencapai manfaat yang lebih luas untuk individu dan masyarakat. Dalam buku ini, penulis menyoroti lima objektif utama Maqasid al-Syariah: pemeliharaan agama (hifz al-din), nyawa (hifz al-nafs), akal (hifz al-aql), keturunan (hifz al-nasl), dan harta benda (hifz al-mal). Buku ini juga menyediakan panduan praktikal tentang cara menyusun dan menyampaikan dakwah yang mengedepankan kemaslahatan umum, mencegah kemudaratan, dan mengutamakan prinsip-prinsip etika dalam penyebaran mesej Islam.

<http://www.marymartin.com/web?pid=888525>

Sinkretisme: Menelusuri Adat Tradisi Bajau Di Sabah Menurut Hukum Islam / Syamsul Azizul Marinsah, Mohd Anuar Ramli & Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi

Malaysia, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2025

xii, 220p.
Includes Index
9789674883683
\$ 25.50 / PB
350gm.

Sinkretisme merupakan isu yang menjadi perbincangan yang penting dalam ilmu antropologi. Ia menjadi perbincangan yang penting dalam ilmu antropologi. Ia menjadi polemik yang hangat dalam kalangan sarjana khususnya sarjana barat kerana istilah ini sering diinterpretasikan dengan konotasi negatif dalam ilmu kebudayaan. Dalam konteks masyarakat Bajau di Sabah, ajaran Islam tetap dijadikan sebagai tunjang asas dan panduan hidup (way of life), namun dalam penyelenggaraan sesuatu adat, terdapat unsur-unsur pra Islam yang dipercayai mempengaruhi kehidupan orang Bajau.

[Islam Law]

<http://www.marymartin.com/web?pid=888526>

Pemikiran Liberal Dalam Kritik Matan Hadis Di Mana Silapnya? / Muhammad Taufiq Amat Famsir @ Amat Tamsir & Faisal Ahmad Shah

Malaysia, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2025

xviii, 238p.

Includes Index

9789674883584

\$ 30.00 / PB

380gm.

Adalah sebuah buku yang berusaha merungkai pemikiran dan metodologi aliran liberal terhadap hadis-hadis nabi SAW. Aliran liberal merupakan aliran yang mempunyai pengaruh yang besar dalam masyarakat Islam pada masa kini kerana kecenderungan mereka mentafsir semula nas-nas syarak menggunakan logic akal semata-mata tanpa merujuk kepada pandangan ulama Islam yang berautoriti. Buku ini mendedahkan mengenai pemikiran dan metodologi tokoh aliran liberal dalam mempertikaikan hadis-hadis yang terdapat dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim. Metode kritik hadis yang diaplikasikan oleh tokoh liberal dalam menimbulkan keraguan terhadap hadis Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim akan dinilai berasaskan piawaian yang diletakkan oleh ulama hadis.

[Liberal Thought in Criticism]

<http://www.marymartin.com/web?pid=888530>

Sociology

Jejak Kopi: Pencarian Takrifan Kopi Di Sebalik Perjuangan Dalam Penghasilan Suatu Nikmat / Faizal Azzuri Shukri

Malaysia, Selangor: Era Ora Ventures, 2024

xvi, 117p.

9786299936909

\$ 125.00 / HB

950gm.

Jejak Kopi merupakan sebuah usaha julung kalinya untuk mencari takrifan kopi dalam perbendaharaan Bahasa Melayu, di sebalik perjuangan dalam penghasilan suatu bentuk nikmat secawan kopi. Menerusi percubaan ini, penulis memperkenalkan suatu rumus 4P iaitu pokok, proses, panggang dan pembuatan, justeru untuk menjawab persoalan yang menjadi asas kepada pengetahuan kopi. Penulis bermula dengan menceritakan tiga jenis biji kopi iaitu Arabica, Robusta dan Liberica serta beberapa perbandingan karakter biji kopi ini termasuk perbandingan sifat-sifat pokok ketiga-tiga jenis kopi ini. Turut diceritakan adalah kawasan-kawasan yang sesuai untuk dijadikan tempat penanaman pokok kopi. Ada juga dalam kalangan umum menganggap proses kopi adalah proses menjadikan biji kopi kepada serbuk kopi. Benar, menjadikan kopi itu kepada serbuk juga suatu proses dalam istilah kopi. Tetapi menerusi buku ini penulis membawa satu kesatuan fahaman bahawa dalam industri kopi, istilah proses ini merupakan aktiviti menjadikan kopi jambu (coffee cherry) yang menjalani beberapa prosedur sehingga menjadi kopi beras (green bean).

[Coffee Brewing/Coffee Cultures]

<http://www.marymartin.com/web?pid=888026>

Dasar Sosial Di Malaysia Isu, Strategi Dan Intervensi / Siti Hajar Abu Bakar Ah
Malaysia, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2024

xxviii, 504p.

Includes Index

9789674883522

\$ 41.50 / PB

780gm.

Apa itu dasar sosial? Apa fungsi dan peranannya? Mengapa A setiap negara seharusnya mempunyai dasar sosial yang baik? Bagaimana kerajaan mengawal dan menjaga kebajikan hidup rakyatnya menerusi dasar sosial? Ini semua antara soalan yang berkisar di minda kita apabila timbul perkataan dasar sosial di mana-mana genre perbincangan. Dasar sosial merupakan intervensi- intervensi sosial yang dibentuk oleh golongan, pihak-pihak atau sektor-sektor tertentu dalam sesebuah negara sebagai kaedah-kaedah atau usaha-usaha pengekalan, peningkatan politik, pengurangan, perlindungan, pencegahan atau pengawalan sosioekonomi dan anggota masyarakat.

[Social Policy]

<http://www.marymartin.com/web?pid=888531>

Praktis Kerja Sosial Gerontologi / Noralina Omar
Malaysia, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2025

xii, 172p.

Includes Index

9789674883676

\$ 23.00 / PB

290gm.

Profesion kerja sosial yang mengkhususkan kepada gerontologi merupakan suatu cabang praktis dalam perkhidmatan kemanusiaan. Keperluan terhadap perkhidmatan kerja sosial gerontologi di negara ini dijangka semakin meningkat memandangkan pertambahan populasi penduduk yang berusia 60 tahun ke atas. Praktis kerja sosial gerontologi memberi tumpuan untuk membantu warga emas memaksimumkan kedua-dua peluang dan kualiti hidup dalam konteks sistem sosial, keperluan dan hak mereka. Warga emas yang sihat dan sejahtera adalah tonggak kepada masyarakat. Sebaliknya, warga emas yang tidak sejahtera dan menghadapi cabaran hidup seperti kemerosotan tahap kesihatan, kesunyian dan dihimpit kemiskinan boleh memberi kesan negatif kepada kehidupan mereka sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Maka, perkhidmatan kerja sosial gerontologi diwujudkan bagi memastikan strategi untuk memelihara kesejahteraan warga emas dapat dilaksanakan dengan sistematik. Pekerja sosial pula memainkan peranan penting dalam memastikan perkhidmatan ini dapat memberi manfaat kepada warga emas dan keluarga serta masyarakat seluruhnya.

[Practical Social Work]

<http://www.marymartin.com/web?pid=888532>
